

**UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN
YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM
DIALOG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BERSAMA
AGENSI PENGUATKUASAAN
ZON UTARA
25 JANUARI 2016
HOTEL SERI MALAYSIA, PERLIS**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM
SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

YANG DIHORMATI PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN/PUAN PENGARAH-
PENGARAH NEGERI, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN AGENSI DAN
SEMUA WARGA KERJA AGENSI PENGUATKUASAAN ZON UTARA.

YANG SAYA HORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA
INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT
AGENCY INTEGRITY COMMISSION* (EAIC) SERTA WARGA KERJA
EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.

1. Syukur ke hadrat Illahi, dengan izin dan limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Dialog EAIC bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC bagi Zon Utara yang merangkumi negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Saya percaya ini adalah merupakan perjumpaan julung kali oleh EAIC bersama wakil-wakil agensi penguatkuasaan Zon Utara ini secara serentak. Sebelum ini pada bulan September 2014, EAIC pernah menyertai program Hari Bertemu Pelanggan anjuran Kerajaan Negeri Perlis bertempat di Dewan Warisan, Kangar.

2. Sehubungan dengan itu, bagi pihak EAIC, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, kerana sudi meluangkan masa memenuhi jemputan kami.

3. Terdapat dua objektif utama sesi dialog ini diadakan:

- (i) untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]; dan
- (ii) membincangkan usaha dan kerjasama oleh EAIC bersama agensi-agensi penguatkuasaan dalam meningkat dan pengukuhan integriti ke arah matlamat membenters salah

laku di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Sebagai mana yang kita sedia maklum, salah satu tujuan utama penubuhan EAIC adalah untuk menguruskan aduan berkaitan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan yang membabitkan 21 agensi penguatkuasaan Persekutuan yang disenaraikan dalam Jadual kepada Akta 700.

5. Di bawah seksyen 48 Akta 700, EAIC bertanggungjawab mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai semua tindakan dan aktiviti yang diambil oleh EAIC terhadap aduan salah laku yang diterima oleh EAIC. Manakala Seksyen 30 Akta 700 pula memperuntukkan EAIC berkenaan kuasa untuk membuat sesuatu syor atau perakuan tindakan tatatertib termasuk jenis hukuman yang patut dikenakan terhadap pegawai penguat kuasa berdasarkan siasatan yang dijalankan dan seterusnya merujukkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan ke atasnya.

6. Peranan EAIC tidak setakat itu sahaja, bahkan sebagai sebuah badan statutori yang bebas, EAIC turut diberikan mandat untuk

merumuskan perundangan, mengesyorkan penambahbaikan undang-undang, tatacara dan prosedur pentadbiran serta kuasa-kuasa bagi melakukan pengauditan dan pemantauan aspek tertentu operasi sesuatu agensi penguatkuasaan dan juga membuat lawatan dan pemeriksaan ke atas premis agensi penguatkuasaan termasuk balai polis dan tempat-tempat tahanan dalam memastikan tacacara dan undang-undang diikuti.

Sidang hadirin yang saya muliakan sekalian,

7. Kewujudan EAIC ini telah membuka saluran alternatif kepada rakyat selain daripada saluran yang sedia ada seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Biro Pengaduan Awam (BPA) dalam menyalurkan aduan-aduan berkaitan salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Maka itu mulai 1 April 2011, statistik mula melihatkan aduan-aduan yang telah dibawa kepada EAIC, iaitu sejumlah 18 aduan bagi tahun 2011, 347 aduan bagi tahun 2012, 306 aduan bagi tahun 2013, 312 aduan bagi tahun 2014, dan 323 aduan bagi tahun 2015. Walau pun saya agak berat hati untuk mengatakan, jauh sekali dari bertujuan untuk mengaibkan, sebahagian besar aduan tersebut (70%) adalah aduan berkaitan salah laku polis. Menduduki tempat kedua, ketiga dan keempat ialah Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam Diraja Malaysia, masing-masingnya. Kita fahami bahawa semua agensi terbesar ini mempunyai pegawai dan anggota yang ramai, berada di serata pelusuk negara dan paling terhadapan dalam berurusan dengan orang ramai dalam

menguatkuasakan undang-undang berkaitannya dan dengan itu mereka lebih terdedah kepada penilaian dan keprihatinan orang ramai.

8. Secara lokal, dari jumlah aduan yang dinyatakan tadi, aduan yang diterima berkaitan agensi-agensi penguatkuasaan di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2014 ialah 31 dan bagi tahun 2015 sebanyak 14 aduan. Bagi negeri Kedah sebanyak 24 aduan bagi tahun 2014 dan 20 aduan bagi tahun 2015. Negeri Perlis pula mencatatkan sebanyak 5 aduan bagi tahun 2014 dan 3 aduan bagi tahun 2015.

9. Dalam pada itu, memetik statistik sempena persaraan mantan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard PDRM (JIPS) yang dikeluarkan pada hujung tahun 2015, sepanjang tahun 2015 JIPS PDRM menerima sejumlah 2,435 aduan yang melibatkan salah laku anggota polis, iaitu peningkatan sebanyak 228 dari tahun 2014. Dikatakan bahawa 80% daripada aduan-aduan yang diterima tersebut mempunyai asas.

10. EAIC menerima 214 aduan berkaitan salah laku polis pada tahun 2015 berbanding dengan 222 aduan pada tahun 2014, pengurangan sebanyak 8 aduan. Aduan yang diterima di antaranya termasuk berkaitan ketiadaan tindakan yang berkesan dalam membanteras kegiatan perjudian. Pada 18 Januari 2016, akhbar New Straits Times memetik pernyataan oleh Timbalan Pengarah Unit STAGG Bukit Aman yang mengatakan di Perlis ketika ini terdapat 5 sindiket judi haram yang masih beroperasi. Pada 16 Januari 2016, STAGG Bukit Aman menyerbu 22 premis judi haram di seluruh negeri Perlis. Di negeri

Kedah pula pada 17 Januari 2016, STAGG Bukit Aman membuat serbuan ke atas 28 tempat judi haram di 13 kawasan (The Star 19.1.2016 ms 12). Jika kita masih ingat pada tahun 2014, PDRM Bukit Aman melancarkan operasi membanteras judi haram di seluruh negara tetapi hanya mencapai kejayaan pada kadar 40% disebabkan berlakunya kebocoran maklumat berkaitan operasi.

11. Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula dalam temuramah khas beliau bersama akhbar Utusan Malaysia bertarikh 18 Januari 2016 mengatakan ketika ini terdapat di antara 2,000 hingga 3,000 buah kereta klon yang berada di jalanraya Malaysia. Kereta-kereta klon tersebut telah dilupuskan di Singapura tetapi dibawa masuk oleh sindiket bagi dijual dengan harga murah kepada pembeli di Malaysia. Kereta sedemikian dipandu dengan menggunakan geran hakmilik palsu dan cukai jalan palsu dan tidak dilindungi oleh polisi insuran kerana dokumen insuran juga dipalsukan. Ini juga suatu cabaran bagi pihak penguatkuasaan JPJ untuk mengesan dan membanteras kereta klon sedemikian. Jika kita masih boleh mengingati pada awal tahun 2015, pihak JPJ Negeri Sembilan kehilangan daripada simpanan mereka lebih daripada seribu geran hakmilik dan ratusan disc cukai jalan. Kejadian pengeluaran lesen terbang tanpa calon perlu menduduki ujian memandu masih berulang seperti yang berlaku baru-baru ini di negeri Sarawak. Bayangkan apakah akibatnya jika pemandu yang tidak kompeten memandu di jalanraya dengan memiliki lesen terbang yang dikeluarkan.

12. Insiden kebocoran maklumat operasi juga berlaku baru-baru ini yang melibatkan operasi oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas pendudukan secara haram oleh pendatang asing di kuarters bekas Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buloh, Selangor. Pihak imigresen hanya menemui 10 pendatang asing daripada anggaran 150 orang yang menduduki kuarters di situ. Selebihnya telah berjaya melarikan diri sebelum operasi bermula.

13. Pada tahun 2015 juga, negara dikejutkan dengan penemuan kubur-kubur besar pendatang tanpa izin di kawasan hutan Wang Kelian, Perlis yang bersempadan dengan negara Thailand. Kedua-dua pihak berkuasa Malaysia dan Thailand telah menjalankan siasatan terperinci untuk mengenalpasti dalang-dalang terlibat dalam sindiket perdagangan manusia (human trafficking) yang terbesar yang pernah dilaporkan bagi negara kita mahu pun negara Thailand. Beberapa orang termasuk pegawai kanan keselamatan Thailand telah dihadapkan ke muka pengadilan di Thailand kerana terlibat dalam perkara tersebut. Siasatan di pihak Malaysia masih belum selesai. Semalam (14/1/2016) ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dan beberapa pegawai kanan kami telah mendapat kesempatan membuat lawatan ke kawasan laluan Wang Kelian dan sempadan negara di situ bagi mendapat pengalaman sendiri tentang bentuk hutan dan muka bumi kawasan yang menjadi berita besar tersebut.

14. Signifikan saya membentangkan statistik aduan dan insiden yang saya sebutkan tadi (di atas) adalah untuk melihatkan bahawa orang

awam mula memberi perhatian dan menjadi “buah mulut” ke atas insiden-insiden berkaitan salah laku dan ketirisan disiplin anggota agensi penguatkuasaan. Sesuatu kejadian salah laku yang terjadi dengan mudah diketahui dan menjadi viral dalam sekelip mata di alam maya melalui aplikasi internet. Dengan penduduk Malaysia sekarang sekitar 30 juta orang, sejumlah 20.3 juta penduduk telah mempunyai akses kepada internet. Dari jumlah itu sejumlah 18 juta penduduk Malaysia mempunyai akaun *facebook*. Bayangkan jika sesuatu insiden salah laku boleh disebar dan ditonton oleh 18 juta pemilik akaun facebook, ia sudah pasti akan mewujudkan persepsi tertentu masyarakat ke atas sesuatu agensi penguatkuasaan dan pegawai-pegawai awam amnya.

15. Pada tahun 2015, EAIC melalui Pasukan Petugas yang ditubuhkan dan dibantu oleh beberapa orang perunding yang berpengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing telah memuktamadkan siasatan kes kematian orang tahanan bernama James Ramesh a/l Ramasamy yang telah meninggal dunia di Lokap HQ, IPK Pulau Pinang dan kematian orang tahanan bernama Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur semasa berada di bawah tahanan pihak polis di Kota Tinggi, Johor. Laporan penuh kedua-dua siasatan oleh EAIC telah dibuat pendedahan awam (public disclosure), masing-masingnya pada 30 Januari 2015 dan 30 Oktober 2015. Pendedahan awam ini adalah selari dengan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, seksyen 30(5)[Akta 700] bagi membolehkan orang ramai mengetahui hasil siasatan serta syor dan perakuan-perakuan yang dibuat berkaitan dengannya. Laporan penuh siasatan juga turut diserahkan kepada Ketua Polis Negara, Bukit Aman, Peguam Negara Malaysia, Ketua

Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi portfolio integriti. Menerusi laporan tersebut, EAIC telah membuat beberapa syor dan perakuan melibatkan aspek salah laku yang dikenalpasti yang membolehkan dakwaan tatatertib mahupun pertuduhan jenayah ke atas beberapa pegawai/ anggota polis yang dikenalpasti telah membawa kepada kematian tahanan tersebut dan juga cadangan bagi pindaan undang-undang tertentu.

16. Baru-baru ini EAIC juga telah memuktamadkan siasatan secara pendengaran awam (public hearing) ke atas kematian orang tahanan bernama Dharmendran a/l Narayanasamy yang meninggal dunia di Lokap D9, IPK, Kuala Lumpur selepas 10 hari ditahan. Seramai 62 orang saksi telah memberi keterangan semasa prosiding dijalankan sejak Julai 2015 sehingga 16 November 2015. Pendengaran awam yang julung kali diadakan sejak penubuhan EAIC ini juga telah dibuka kepada orang awam dan media dan turut disertai oleh peguam-peguam daripada Majlis Peguam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri serta peguam yang mewakili keluarga si mati. Laporan penuh siasatan sedang disediakan oleh Pasukan Petugas berkaitan dengannya.

17. EAIC juga menyelesaikan siasatan ke atas aduan-aduan oleh nelayan pantai dan persatuan nelayan pantai berkaitan pencerobohan bot pukot "Kenka" di perairan Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak

yang berterusan berlaku sejak dari tahun 2008 dan ketiadaan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan oleh agensi penguatkuasaan terlibat. Pencerobohan yang berlaku telah mendatangkan ketegangan hubungan di antara nelayan pantai dan operator bot-bot kenka serta mendatangkan mudarat ke atas hasil tangkapan ikan nelayan pantai disamping kesan dan impak negatif ke atas eko-sistem kehidupan laut di pesisiran pantai akibat daripada penggunaan pukot “Kenka” yang memungkah/mengaut semua kehidupan yang terdapat di dasar laut termasuk anak-anak ikan, udang dan sebagainya. Sekumpulan pegawai-pegawai penyiasat EAIC telah turun padang dalam menyiapkan siasatan tersebut termasuk melakukan penyamaran dengan menumpang bot-bot nelayan dalam membuat pemerhatian ke atas aktiviti pencerobohan yang diadakan. Laporan penuh siasatan telah pun dimuktamadkan. Pendedahan awam hasil siasatan dijangka akan dibuat pada bulan Februari atau Mac ini nanti.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Sebanyak 9 sesi dialog bersama pengurusan tertinggi agensi penguatkuasaan telah turut dilakukan oleh ahli-ahli Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai kanan EAIC pada sepanjang tahun 2015. Menerusi dialog seumpama ini, EAIC telah dapat bertukar fikiran dan pandangan dengan ketua dan para pegawai kanan agensi dalam perkara-perkara dasar yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang serta isu-isu semasa yang menyentuh perihal integriti agensi penguatkuasaan serta pegawai penguat kuasa. Sesi dialog di antara ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dan ketua-ketua jabatan agensi penguatkuasaan

telah melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerja (JKKP), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Tiga majlis dialog seumpama ini telah dijayakan dalam tahun 2015 bagi agensi penguatkuasaan Zon Labuan, Zon Selatan dan Zon Pantai Timur. Pada lima hari yang lepas (21.1.2016) ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dan pegawai kanan telah mengadakan dialog dengan Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya. Pada sebelah petang hari yang sama EAIC mengadakan sesi dialog dengan pasukan perunding yang dilantik oleh Jabatan Perdana Menteri bagi menjalankan kajian dan menyiapkan Pelan Nasional Hak Asasi Manusia, Malaysia bertujuan untuk menerangkan peruntukan undang-undang berkaitan keperluan pematuhan prosedur yang melibatkan elemen-elemen hak asasi manusia.

19. Sementara itu, EAIC juga melakukan usaha melalui “engagement” dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan pihak pengamal media premier dan sekunder. Pada bulan November 2015 seramai 120 penyertaan daripada kalangan ketua-ketua NGOs dan pengamal media telah hadir dalam satu majlis dialog khas yang diadakan. Tidak ketinggalan terdapat juga penyertaan daripada Presiden CEUPAC dan ahli-ahli jawatan kuasanya serta wakil-wakil dari kesatuan pegawai perkhidmatan beberapa agensi penguatkuasaan. Kami percaya, maklumat dan idea-idea yang dikumpul dan diperhalusi akan dapat

memperkasakan lagi aspek integriti di dalam perkhidmatan awam khususnya di kalangan pegawai penguat kuasa.

20. Tahun 2015 juga melihatkan buat julung kalinya ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC mengadakan dialog dengan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Ini adalah antara inisiatif bagi memantapkan kerjasama di antara dua badan statutori tersebut selari dengan fungsi EAIC yang digariskan di bawah seksyen 4(1)(h) Akta 700. Dialog seumpama ini juga turut diadakandengan wakil-wakil daripada Amnesty International Malaysia dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Dialog ini telah berlangsung khusus membincangkan kes-kes kematian orang tahanan semasa berada di dalam lokap polis. Kerjasama EAIC dan pihak berkepentingan turut diperluaskan kepada Pasukan Petugas Kematian Orang Tahanan Negeri Pulau Pinang yang diwujudkan secara khusus oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri dengan dianggotai oleh dua EXCO kanan bertujuan menghalusi kejadian-kejadian kematian orang tahanan semasa berada dalam penjara di negeri Pulau Pinang. EAIC berterima kasih kepada pihak Ketua Polis Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada EAIC dalam membekalkan maklumat-maklumat yang diperlukan dengan pantas.

21. Komitmen kerjasama EAIC dan SUHAKAM telah dijayakan semasa sesi lawatan bersama ke Depot Tahanan Imigresen di Machap Umboo (Melaka) yang turut disertai oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM. EAIC juga telah membuat lawatan ke lokap-lokap Jabatan Imigresen, PDRM dan SPRM serta Depot Tahanan Imigresen di

Semenyih (Selangor) dan Langkap (Perak) dalam membuat perhatian dan mendapatkan input berkaitan keadaan lokap dan pengurusan lokap dan tempat tahanan serta kaedah layanan ke atas orang tahanan. Susulan daripada lawatan ini, EAIC telah mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada pengurusan lokap dan depot-depot tahanan bagi diambil tindakan sebaiknya oleh agensi-agensi yang terlibat. Secara khusus EAIC telah mengemukakan syor kepada PDRM, Bukit Aman dalam menambah baik SOP Pengurusan Lokap-lokap PDRM yang disemak semula pada 21 April 2015 yang kini telah diedarkan sepenuhnya kepada lokap-lokap PDRM di seluruh negara. EAIC mengharapkan setiap anggota lokap mematuhi SOP tersebut dan pegawai kanan terlibat menyelia dengan baik terhadap keperluan pematuhan SOP tersebut yang mana sekali gus kita yakini akan dapat mengelakkan atau mengurangkan berlakunya kematian atau kecederaan di kalangan orang tahanan.

22. EAIC sentiasa serius dan komited dalam menggalas setiap tanggungjawab yang telah diperuntukkan. Pada tahun 2015 kadar peratusan penyelesaian aduan oleh Jawatankuasa Aduan EAIC juga telah meningkat kepada 90%. Peratusan penyelesaian aduan tersebut melebihi sasaran pencapaian yang ditetapkan atau KPI iaitu 85%. Saya percaya keyakinan orang ramai akan dapat dibina melalui tindakan yang berkesan yang boleh dilihat dan dirasai, khasnya oleh pengadu-pengadu sendiri. Setiap pengadu semestinya mengharapkan aduannya dilayani dengan wajar dan adil serta dilakukan siasatan yang kredible dan diselesaikan dengan segera. Di dalam hal ini satu aras penunjuk telah ditetapkan oleh EAIC bahawa bagi setiap keputusan Mesyuarat

Suruhanjaya yang berkaitan sesuatu aduan, ianya akan diberitahu kepada pengadu dalam tempoh tiga hari bekerja.

23. Terkini EAIC juga telah selesai menggubal satu rang undang-undang bagi pindaan ke atas Akta 700 yang kini telah diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara sebelum ianya dibawa kepada Kerajaan dan Parlimen dalam usaha memantapkan lagi keberkesanan peranan dan fungsi EAIC. Satu peruntukan tambahan akan dimasukkan bagi mewajibkan (mandatory provision) pihak berkuasa tatatertib memaklumkan EAIC tindakan tatatertib yang telah dilaksanakan berikutan daripada dapatan siasatan salah laku dan syor yang telah dikemukakan oleh EAIC. EAIC menjangkakan rang undang-undang ini akan dapat dikemukakan kepada Parlimen semasa sesi pertama persidangan Parlimen tahun 2016 ini dan seterusnya dikuatkuasakan. Dalam masa yang sama EAIC akan mengemukakan kepada Kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) suatu pindaan atau peruntukan tambahan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi membolehkan PBT mengguna pakai siasatan dan keterangan yang dikumpulkan oleh pegawai penyiasat EAIC dalam memulakan prosiding tatatertib ke atas pegawai penguat kuasa agensi seliaan EAIC.

24. Di atas semua itu, adalah mustahak untuk setiap ketua jabatan atau agensi penguatkuasaan memastikan pegawai dan anggota sentiasa memberi perhatian dan mematuhi Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) yang memperuntukkan perkara tatatertib dan larangan seseorang penjawat awam dari terlibat

atau melakukan sesuatu perkara, untuk difahami, dihayati dan diamalkan sebaik-baiknya. Ini adalah langkah asas dalam membina dan memperkasakan kredibiliti dan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan memelihara imej agensi penguatkuasaan itu sendiri. Insiden pegawai penguat kuasa sendiri terlibat dalam perlakuan jenayah seperti penculikan, pemerasan, pemerdagangan orang, penyeludupan, pensubahatan dalam perlakuan jenayah seperti menjual dadah, pencoleman, pemalsuan rekod atau dokumen kerajaan melihatkan ketirisan disiplin dan integriti oleh segelintir penjawat awam yang tidak bertanggungjawab yang secara langsung telah mencemarkan nama baik para pegawai yang jujur menjalankan tugas dan agensi secara keseluruhannya dan membawa kepada persepsi negatif masyarakat terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Membina adalah jauh lebih sukar daripada meruntuh. Kerana nila setitik boleh rosak susu sebelanga. Kata pepatah seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit. Setiap pegawai awam boleh dipantau atau dinilai. Ini kerana pada setiap tahun prestasi setiap pegawai awam dinilai melalui Laporan Prestasi Tahunan masing-masing yang mengandungi pelbagai kriteria penilaian pada skala prestasi 1 hingga 10 bagi dalam aspek penilaian. Maka itu setiap Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) mempunyai pengetahuan ke atas latar diri dan prestasi kerja pegawai di bawah jagaannya. Sistem penilaian sedemikian telah menjalani penambakan dari masa kesemasa bagi menjadikannya lebih mencapai matlamat, iaitu prestasi kerja setiap pegawai awam berupaya diukur secara objektif. Kaedah ini jika diuruskan dengan baik dan kredible serta jujur berupaya memantau dan meningkatkan integriti di kalangan penjawat awam. Pun begitu, berapa ramai dari kalangan PPP yang telah menjalankan tanggungjawab memaklumkan kepada pegawai atau anggota yang dinilai itu tentang

tahap penilaian prestasi mereka seperti yang dikehendaki di bawah laporan? Ini adalah merupakan satu elemen ketelusan yang diwujudkan supaya pegawai dan anggota yang dinilai tahu aspek kekuatan dan kelemahan mereka untuk mereka dapat memperbaikinya bagi mencapai prestasi kerja yang lebih baik ke arah kecemerlangan perkhidmatan. Pegawai yang cemerlang wajar diberi insentif dan reward. Manakala pegawai yang bermasalah wajar diberi perhatian bagi pemulihan dan peningkatan disiplin dan produktiviti melalui kursus-kursus penyegaran semula jati diri penjawat awam (referesher courses) yang boleh diatur khusus berkaitannya.

25. Hasrat EAIC dalam usaha-usaha pemeraksanaan kredibiliti dan integriti pegawai penguat kuasa bukanlah retorik atau pun sesuatu yang mustahil untuk dicapai. EAIC yakin bahawa ianya boleh direalisasikan melalui sokongan padu daripada setiap anggota dan pegawai penguat kuasa dan agensi-agensi yang berkenaan untuk lebih kreatif dan peka dalam usaha mempertingkatkan serta memantapkan jiwa dan integriti pegawai penguat kuasa masing-masing. Ketaatan dan anutan ideologi agama yang mengajar dan menuntut pengikutnya mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik dan murni adalah merupakan elemen yang universal yang telah sedia wujud dan menjadi teras kepercayaan dan disiplin setiap manusia yang beragama. Di masa yang sama, dalam aspek memenuhi keperluan yang khusus, pegawai dan anggota penguat kuasa hendak diaturnya untuk menghadiri kursus-kursus yang bersesuaian dari masa ke semasa. Daripada aspek psikologinya pula, ini adalah merupakan antara kaedah memotivasikan dan penghargaan majikan kepada pekerjanya. Ini dapat menyuburkan dan membaik pulih semangat bekerja yang berkualiti serta produktif di kalangan pegawai

penguat kuasa khususnya. Ketua-ketua jabatan wajar meluangkan sedikit masa untuk melihat kepada Buku Perkhidmatan (buku hijau) pegawai di bawahnya untuk memastikan pegawai ada menjalani kursus-kursus bersifat pengukuhan integriti. Disamping itu mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif serta pengawasan yang efektif dan sentuhan rasa kemanusiaan (human touch/compassionate) ke atas permasalahan warga kerja juga boleh menyumbang kepada peningkatan rasa tanggungjawab bersama di kalangan warga kerja agensi penguatkuasaan. EAIC berpendapat pertukaran stesen (job rotation) tempat bertugas yang kerap sebagai dikatakan akan dapat menghalang anggota atau pegawai daripada terlibat dengan salah laku bukan merupakan jalan penyelesaian yang efektif ke atas ketirisan integriti (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004). Ia seperti memindahkan masalah dari satu tempat ke tempat yang lain yang melibatkan pegawai yang sama, selain daripada pertambahan beban kos perpindahan dan menambah masalah baru yang mungkin melibatkan keluarga dan kebajikan pegawai. Akhirnya kualiti dan produktif kerja pegawai juga terkesan (affected). Suatu mekanisma yang seimbang perlu dicari, diantaranya ialah pegawai secara konsisten dipantau atau diselia dan diberikan latihan serta kursus segar semula (refresher course) berkaitan tanggungjawab, amanah dan integriti yang jauh lebih efisien dan murah untuk dilakukan. Jika masih gagal dipulihkan, pegawai terlibat wajar “direhat terus” dari perkhidmatan melalui tatacara yang ada. Kerajaan ketika ini telah mempunyai dasar yang dipanggil “exit policy” bagi mengatasi masalah sedemikian bagi pegawai-pegawai yang bermasalah yang tidak boleh dipulihkan atau yang “tenat” prestasinya untuk diberi peluang mengundur diri dari perkhidmatan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2015 berkenaan

Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) telah dikuatkuasakan pada 19 November 2015).

26. Pengalaman EAIC melalui program turun padang pada tahun 2015 bagi Zon Labuan, Zon Selatan dan Zon Pantai Timur, mendapati sejumlah 27% pegawai penguat kuasa yang telah berkhidmat lebih daripada 3 tahun tidak pernah dihantar mengikuti kursus yang berkaitan dengan pemantapan integriti kecuali kursus asas semasa kemasukan dalam perkhidmatan. Bagaimana pun saya tidak mengatakan di kalangan mereka 27% tersebut mengalami masalah ketirisan integriti. Ia sekadar untuk melihatkan terdapat sejumlah yang agak besar para pegawai yang berterusan bekerja tanpa didedahkan dengan perkembangan dunia baru yang melibatkan isu-isu integriti. Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya ketua-ketua jabatan melihat kepada rekod-rekod atau buku perkhidmatan anggota dan pegawainya dan memberikan tumpuan yang serius bagi memastikan setiap pegawai penguat kuasa menghadiri kursus yang seumpamanya. EAIC bersedia membantu dalam perkara ini bagi menyediakan tenaga penceramah atau fasilitator yang berkelayakan. Ini amatlah penting kerana kursus yang dihadiri seumpama “booster” dan peringatan kepada setiap anggota penguat kuasa di dalam memastikan amalan integriti secara professional dan sihat. Secara psikologinya, memori kita ini perlu sentiasa ada input tambah dan input yang menyokong. Ini juga dipanggil “value added” untuk para pegawai merasai perkhidmatan mereka dihargai dan dapat menyumbang kepada reputasi jabatan dan peningkatan kualiti kerja pegawai itu sendiri. Kata pepatah, jika tidak dipecahkan ruyung maka tidak akan dapat sagunya; jika pegawai tidak dilatih bagaimana kemahiran boleh dibinanya. Janganlah kita menjadi

enau yang hanya ingin melepaskan pucuknya sendiri atau menjadi seekor burung murai yang berkicau bangga sedangkan ekornya bergelumang dengan najis. Kepimpinan melalui tauladan perlu menjadi anutan bagi setiap pemimpin agensi penguatkuasaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

27. Dikesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih akan kehadiran Dato-Dato', tuan-tuan dan puan-puan semua pada hari ini. Besarlah harapan saya agar sesi dialog ini dapat kita manfaatkan bersama menerusi sesi interaktif sama ada bertukar pandangan, mengutarakan pendapat mahu pun soalan, komen serta cadangan yang membina, khusus berkenaan aspek integriti di kalangan agensi penguatkuasaan sebagai usaha memartabatkan mutu perkhidmatan yang sedia ada.

28. Selaku ahli panel bagi sesi dialog yang akan diadakan sebentar lagi, kami Ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC bersedia memberi respon, maklum balas dan mengambil tindakan susulan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan. Saya bagi pihak EAIC, sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program ini. Diharapkan jalinan kerjasama dan hubungan yang terbina pada hari ini akan terus subur pada masa akan datang di dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan yang terbaik bagi kesejahteraan rakyat dan Negara.

Setiap dari kita hendaklah mempunyai rasa tanggungjawab bersama untuk memelihara sumpah jawatan yang telah kita ikrarkan dan berterusan mengamalkan nilai-nilai murni yang penuh berintegriti dalam menjalankan tugas dan amanah yang digalas oleh kita. Nescaya semua kerja yang baik akan juga dibalas dengan kebaikan, Insya'allah.

29. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Sesi Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Seliaan bagi Zon Utara.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Bertarikh 25 Januari 2016.